

Termasuk sasaran prospek bagi 12 lagi koperasi

Sasar 35 koperasi sekolah untung 1 juta

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS

SHAH ALAM – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyasarkan 35 koperasi sekolah mencatatkan keuntungan sebanyak RM1 juta tahun ini.

Menurut Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah, jumlah tersebut termasuk 12 lagi koperasi sekolah yang baharu dan berpotensi berdasarkan perolehan semasa mereka setakat bulan ini.

Katanya, ini meliputi Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Ahmad Kuala Terengganu Berhad, Koperasi Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Felda Sungkai Berhad dan Koperasi SMK Bintulu.

"Di negeri ini, prospek perolehan RM1 juta adalah Koperasi SMK Meru Klang Berhad yang akan menyertai Koperasi SMK Kota Kemuning Shah Alam Berhad, SMK Saujana Utama Sungai Buloh Berhad dan SMK Seksyen 19 Shah Alam Berhad.

"Ini menjadikan kesemua 12 prospek baharu ini akan menyertai 23 koperasi lain yang telah mencatatkan perolehan tersebut sebelum ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung dan Pengiktirafan Perolehan RM1 Juta Koperasi SMK Kota Kemuning Shah Alam Berhad, di sini



ABDUL FATTAH (tengah) menyampaikan sijil dan plak pengiktirafan koperasi sekolah dengan perolehan RM1 juta kepada Pengetua SMK Kota Kemuning, Mohd. Fauzi Zailan (kanan).

semalam.

Abdul Fattah yang juga Presiden ASEAN Cooperative Organization (ACO) berkata, pihaknya berharap koperasi sekolah mampu mencapai perolehan lebih RM500 juta.

"Walaupun tahun lepas perolehan koperasi sekolah hanya RM298,76 juta melibatkan 2,481

buah koperasi, namun saya optimis sasaran tersebut mampu dicapai dengan peningkatan ahli kelab RM1 juta menjelang 31 Disember depan.

"Justeru, kita berharap ibu bapa yang berkemampuan untuk turut sama membantu anak-anak mereka membuat pelaburan tambahan," jelasnya.